

BAB IV

PERKEMBANGAN PAS JERANTUT

A. Perkembangan Di dalam Pilihanraya Yang Telah Lalu

Secara sepantas lalu, PAS Jerantut telah melibatkan diri dengan aktiviti pilihanraya pada setiap kali Pilihanraya Umum diadakan. Pengelibatan ini bermula dari Pilihanraya Umum Pertama 1955 sehingga pilihanraya umum ke sepuluh 1999. Walaupun belum pernah meraih kemenangan yang besar²⁰¹ namun PAS Jerantut tidak pernah melepaskan pihak lawan dengan kemenangan tanpa bertanding.

Sejak pra-kemerdekaan tahun 1955, PAS Jerantut yang pada ketika itu merupakan salah sebuah DUN yang berada di bawah Parlimen Lipis telah menghantar calonnya untuk masuk bertanding menggunakan

²⁰¹ Pihak Parti Pembangkang di Jerantut pernah menang satu kerusi DUN pada Pilihanraya Umum ke 8 tahun 1990. DUN yang dimenangi ialah DUN Pulau Tawar semasa membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dengan Parti Semangat 46. Kemudiannya kemenangan bagi calon PAS buat pertama kalinya di DUN Tahan pada Pilihanraya Umum ke 10 tahun 1999 – Y.B Abdul Malek bin Yusof.

tiket/platform Bebas. Sehingga tahun 1972, PAS Jerantut (DUN) masih lagi berada di bawah Parlimen Lipis. Setiap pertandingan yang diadakan sama ada di peringkat Parlimen atau DUN, kesemuanya telah dimenangi oleh pihak parti Perikatan dan Barisan Nasional. Sehingga tahun-tahun selepas 1978, setelah Jerantut diisyiharkan sebagai sebuah kawasan parlimen sendiri, PAS Jerantut masih belum dapat memperolehi sebarang kemenangan. Namun demikian, perkembangan dan pertambahan pengundi serta jumlah undi yang diperolehi sejak PAS Jerantut terlibat di dalam aktiviti pilihanraya pada keseluruhannya menunjukkan adanya peningkatan dan tidak pernah mengalami kemerosotan.²⁰²

Jadual 20 : Senarai Calon Zaman Pra-Kemerdekaan- di bawah Parlimen Lipis²⁰³

Tahun	Calon	Keputusan
1955	<input type="checkbox"/> Abdullah bin Akil (PERIKATAN) <input type="checkbox"/> Hamzah bin Dahaman (BEBAS)	Menang

²⁰² Temubual penulis dengan Tuan Haji Abu Bakar bin Talib, 25 Disember 1999. Kertas Penerangan Ringkas, *Maklumat Data Penglibatan PAS di dalam Pilihanraya Umum*, No. Fail (PAS/K/074/2.11), 1991.

²⁰³ Kertas Penerangan Ringkas, *op. cit.*, hlm 8 - lampiran II.

Jadual 21 : Senarai Calon Zaman Setelah Merdeka-dibawah Parlimen Lipis²⁰⁴

Tahun	Calon	Keputusan
1959	<input type="checkbox"/> Abdullah bin Akil (Perikatan) <input type="checkbox"/> Haji Abdul Moin bin Said (PAS)	Menang
1964	<input type="checkbox"/> Abdullah bin Akil (Perikatan) <input type="checkbox"/> Salahuddin Mohd Ali (PAS)	Menang
1969	<input type="checkbox"/> Abu Samah (Perikatan) <input type="checkbox"/> Salahuddin Mohd Ali (PAS)	Menang
1972	<input type="checkbox"/> Khairuddin Mohd Kawi (Perikatan) <input type="checkbox"/> Abd. Wahab Imam Sulong (PAS)	Menang

**Jadual 22 : Senarai Calon Parlimen –
Setelah Diisytiharkan Sebagai Kawasan Parlimen Sendiri²⁰⁵**

Tahun	Calon	Keputusan
1978	<input type="checkbox"/> Shariff Ahmad (BN) <input type="checkbox"/> Salahuddin Mohd Ali (PAS)	Menang
1982	<input type="checkbox"/> Wan Abu Bakar Wan Mohd (BN) <input type="checkbox"/> Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman (PAS)	Menang
1986	<input type="checkbox"/> Wan Abu Bakar Wan Mohd (BN) <input type="checkbox"/> Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman (PAS)	Menang
1990	<input type="checkbox"/> Wan Abu Bakar Wan Mohd (BN) <input type="checkbox"/> Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman (PAS)	Menang
1995	<input type="checkbox"/> Ahmad Kamaruzaman bin Mohd Baria (BN) <input type="checkbox"/> Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman (PAS)	Menang
1999	<input type="checkbox"/> YM. Raja Azlan Sultan Abu Bakar (BN) <input type="checkbox"/> Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman (PAS)	Menang

²⁰⁴ *Ibid.*

²⁰⁵ *Ibid.*, hlm 9-10 – lampiran II.

Jadual 23 :
Senarai Calon DUN dan Keputusan Pilihanraya -
Setelah Diisyiharkan Sebagai Kawasan Parlimentari Sendiri²⁰⁶

Tahun	DUN	Calon	Keputusan
1978	Tahan	Harun Jaafar (BN) Wahab Taha (PAS)	Menang
	Bandar Jerantut	Ho Chock Keong (BN) Amiruddin Mamin (PAS)	Menang
	Kerdau	Mohd Lazim (BN) Mohd Salahuddin Omar (PAS)	Menang
	Tembeing	KH. Daaman (BN) Baharuddin (PAS)	Menang
	Jenderak	Haji Abdullah Hashim (BN) Nik Mat Nik Man (PAS)	Menang
1982	Pulau Tawar	Ho Chock Keong (BN) Mat Talib (PAS)	Menang
	Tembeling	Hajah Kamariah Mat Noh (BN) Solahuddin Mohd Ali (PAS)	Menang
	Tahan	Armia Abdullah (BN) Dato Sidek (PAS)	Menang
1986	Pulau Tawar	Ho Chock Keong (BN) Syed Ibrahim (PAS) Leong Song Cho (DAP)	4, 656 2, 038
	Tahan	Ahmad Bazain Mahmud (BN) Raja Puji Tengku Hamid (PAS)	5, 936 2, 569
	Tembeling	Hajah Kamariah Mat Noh (BN) Mohamed Rusdi Arif (PAS)	4, 355 2, 411
	Pulau Tawar	Hj. Abu Bakar Hassan (S46) Ho Chock Keong (BN)	5, 058 4, 161
	Tahan	Ahmad Bazain Mahmud (BN) Abdul Malik Yusof (PAS)	6, 377 3, 858
1990	Tembeling	Hjh. Rahimah Kawi (BN) Hj. Abd. Rahim Yahya (PAS)	4, 365 3, 524
	Pulau Tawar	Azizan bin Yaakob (BN) Hashim bin Awg. Sulong (S46)	7, 798 3, 279
	Tahan	Rahimah M. Kawi (BN) Abd. Malik bin Yusof (PAS)	3, 612 3, 140
1995	Damak	Lau Lee (BN) Abd Rahim bin Yahya (S46)	6, 819 4, 140
	Pulau Tawar	Dr. M. Syukri Abdullah (BN) Mohamad bin Wahid (PAS)	6, 338 5, 575

²⁰⁶ Ibid.

	Tahan	Abd. Malik bin Yusof (PAS) Abdul Halim bin Yunan (BN)	3,727 3,624
	Damak	Lau Lee (BN) Mohd Zai bin Mustafa (PAS) Kenny Ng How Ann	6,543 4,732 572

Perbandingan Jumlah Perolehan Undi
Dalam Pilihanraya Tahun 1990,1995 dan 1999²⁰⁷

Jadual 24 : Keputusan Perolehan Undi Pilihanraya Tahun 1990²⁰⁸

	PAS	DAP	S46/Adil	BN	Majoriti
P077 Jerantut (36,891)	11,075			16,421	5,346
N9 Tahan (12,903)	3,856			6,377	2,519
N10 Damak (10,795)			3,524	4,365	841
N11 P. Tawar (13,193)			5,058	4,161	897

Jadual 25 : Keputusan Perolehan Undi Pilihanraya Tahun 1995²⁰⁹

	PAS	DAP	S46/Adil	BN	Majoriti
P077 Jerantut (39,936)	10,618			17,812	7,194
N9 Tahan (9,458)	3,140			3,612	472
N10 Damak (16,064)			4,140	6,819	2,679
N11 P. Tawar (14,414)			3,279	7,798	4,519

Jadual 26 : Keputusan Perolehan Undi Pilihanraya Tahun 1999²¹⁰

	PAS	DAP	S46/Adil	BN	Majoriti
P077 Jerantut (42,618)	14,961			16,424	1,463
N9 Tahan (10,227)	3,727			3,624	103
N10 Damak (17,223)			4,140	6,583	1,851
N11 P. Tawar (15,168)			3,279	6,338	763

²⁰⁷ Jabatan Pilihanraya Negeri (JPN), *Perbandingan Keputusan Pilihanraya 1990, 1995, 1999 bagi Negeri Pahang Zon Barat, 1999*, hlm 1.

²⁰⁸ *Ibid.*

²⁰⁹ *Ibid.*

²¹⁰ *Ibid.*

1. Faktor-Faktor Kekalahan Dalam Pilihanraya

Dalam konteks kekalahan di dalam senario Pilihanraya Umum yang telah dihadapi ini, PAS Jerantut telah membuat penganalisaan dan didapati ianya berpunca daripada tiga faktor utama iaitu; faktor kelemahan sendiri, faktor BN dan faktor pengundi. Dalam konteks kelemahan diri sendiri, PAS Jerantut mendapati :²¹¹

1. Isu-isu semasa yang telah dimainkan oleh PAS Jerantut tidak dapat diterima oleh masyarakat setempat terutamanya di pihak pengundi India dan Cina.
2. PAS Jerantut tidak mempunyai tenaga penerangan terlatih yang mencukupi di peringkat kawasan, cawangan dan kampung.
3. Hubungan yang lemah di antara pihak pentadbiran kawasan dan cawangan.
4. PAS Jerantut sering terlewat memperkenalkan calon, sementara komposisi calon yang ada belum dapat menarik keyakinan masyarakat.
5. Tidak adanya pembahagian tumpuan terhadap kawasan yang mempunyai lebih potensi untuk menang (mengharapkan kemenangan di semua kerusi).

²¹¹ Temubual penulis dengan Abdul Malek bin Yusof, 12 Disember 1999. Temubual penulis dengan Ustaz Bahrin bin Mohamad, 21 Disember 1999.

6. Sikap "kurang siqoh" ahli-ahli PAS Jerantut semasa menjalankan kempen pilihanraya sehingga menimbulkan tidak puas hati (fitnah) di kalangan masyarakat terutama bagi pengundi-pengundi "atas pagar".
7. Metod dakwah ahli-ahli PAS Jerantut didapati masih kasar (kurang "hikmah") dan ini tidak sesuai dengan amalan demokrasi di negara ini.
8. Tenaga kerja PAS Jerantut yang sepatutnya memulakan kerja pada hari penamaan calon sehingga hari mengundi tidak menjalankan tugas seperti yang dirancang.
9. Petugas kenderaan yang diamanahkan gagal mengambil pengundi atas pagar pada hari mengundi. Kebanyakan mereka menjalankan tugas sehingga pukul 1.00 tengahari sahaja.
10. Terlampau yakin dengan kemenangan sehingga kerja-kerja yang perlu dilakukan ketinggalan.

Manakala faktor pengundi pula ialah :²¹²

1. Kebanyakan pengundi di Jerantut masih lagi menolak isu "Negara Islam" yang dibawa oleh PAS.
2. Pengundi telah ditakutkan dengan huru-hara yang akan berlaku sekiranya parti pembangkang menang.
3. Pengundi telah disogok dengan wang dan barang-barang keperluan.

²¹² *Ibid.*

4. Pengundi belum memahami sepenuhnya apa yang dikatakan "politik Islam".
5. Pengundi "atas pagar" belum dapat dipengaruhi oleh pihak PAS Jerantut.

Manakala faktor BN pula sila rujuk Bab 3 – Masalah yang Dihadapi Oleh PAS Jerantut.

B. Persiapan Menghadapi Pilihanraya Yang Akan Datang

Melihat kepada kekalahan yang dialami pada setiap kali pilihanraya diadakan, beberapa pimpinan PAS Jerantut telah mengemukakan saranannya untuk mengubah strategi perjuangan,²¹³ khususnya bagi menghadapi Pilihanraya Umum yang akan datang.

1. Perubahan Corak Dakwah

PAS Jerantut merasakan bahawa corak berdakwah perlu diubah di semua peringkat setelah mendapat terdapatnya kelemahan di dalam corak berdakwah yang lalu. Cara yang lebih sistematik perlu dilaksanakan supaya perjuangan ini dapat diterima oleh masyarakat. Dalam ertikata

²¹³ Perubahan dalam mengatur strategi-strategi baru ini bermula dalam era 90-an setelah PAS Jerantut berada di bawah pentadbiran Y.B Abdul Malek bin Yusof.

lain, cara berdakwah hendaklah dilakukan dengan lebih lembut dan "hikmah" kerana cara yang telah lalu kelihatannya agak kasar sehingga masyarakat tidak dapat menerima perjuangan PAS. Hal ini sesuai dengan maksud Firman Allah SWT :

*".....Dan serulah mereka ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan peringatan yang baik....."*²¹⁴

Dalam konteks ini juga, kegiatan dakwah perlulah diteruskan dan ianya hendaklah dimulakan dari awal lagi, jauh sebelum Pilihanraya Umum diadakan dengan memberi tumpuan ke dalam iaitu; di peringkat pertamanya yang memakan masa selama dua ke tiga tahun. Kegiatan dakwah di peringkat ini haruslah disebarluaskan di kalangan umat Islam sendiri. Hal ini disebabkan kerana didapati kurangnya pemahaman yang mendalam mengenai Islam sehingga mereka menolak gagasan untuk menubuhkan kerajaan Islam. Mereka juga seolah-olah takut dan meragui kemampuan tokoh-tokoh dari kalangan pihak PAS untuk menjalankan pemerintahan. Oleh itu sasaran dakwah perlulah tepat dan bersusaian dengan kehendak masyarakat setempat. Ianya juga perlulah dinilai dari sudut latar belakang individu yang hendak didakwahkan serta taraf pendidikannya. Ini bertujuan untuk membantu mereka dengan lebih mudah untuk menghayati Islam yang disampaikan menurut kadar kemampuan mereka yang menerimanya.

²¹⁴ Surah Al-Nahl, ayat : 125.

2. Memperbanyakkan Ahli

Di dalam perjuangan seterusnya, PAS Jerantut perlulah meningkatkan usaha bagi memperbanyakkan jumlah ahli. Hasilnya, mereka akan dapat dijadikan penggerak parti di masa hadapan. Ramainya jumlah ahli sudah pasti akan memudahkan lagi pihak PAS Jerantut untuk bergerak dan mengatur strategi dengan lebih mantap. Program-program penerangan tentang PAS itu sendiri perlu diperbanyakkan dan dipergiatkan dari masa ke semasa bagi menarik perhatian masyarakat setempat untuk mereka mendaftar diri sebagai ahli.

Di dalam konteks ini juga, bagi memperkuatkan kefahaman tentang Islam di kalangan ahli sendiri, aktiviti-aktiviti seperti usrah, tamrin dan ceramah perlulah diperbanyakkan. Aktiviti seperti ini merupakan proses tarbiyah ke dalam terhadap ahli khususnya kepada golongan pemuda dan muslimat serta lain-lain golongan.

3. Penyusunan Semula Organisasi dan Jawatankuasa

Selain daripada itu, organisasi PAS di semua peringkat haruslah disusun semula bagi memastikan individu yang diamanahkan jawatan tertentu dapat menjalankan amanah tersebut sebaik mungkin. Disamping itu, pihak PAS Jerantut juga perlu meneruskan tugas jawatankuasa

penyelaras di semua DUN. Pihak PAS Jerantut juga perlulah memikirkan cara yang terbaik untuk lebih merapati pengundi "atas pagar" bagi membolehkan mereka lebih memahami Islam dan perjuangan PAS itu sendiri:

Di dalam konteks organisasi pula, dewan-dewan yang ada khususnya Dewan Ulama perlulah diberikan peranan yang lebih penting di dalam usaha pembentukan petugas-petugas parti yang mempunyai sifat-sifat dan keupayaan di dalam keilmuan yang berasaskan keimanan, keteguhan dan ketinggian akhlak. Jawatankuasa Kerja Agung pula merupakan satu peringkat kepimpinan di dalam parti yang akan menggabungkan para ulama, intelektual dan petugas-petugas parti. Peringkat-peringkat ini menggabungkan tenaga-tenaga pilihan yang mewakili berbagai golongan di dalam PAS. Semua tenaga penggerak pula dipandu oleh Majlis Syura yang berperanan menghurai, memperjelas dan merumuskan dasar PAS berpandukan ajaran Islam. Menerusi pembentukan susunan baru ini, PAS akan dapat menghancurkan kuasa-kuasa mutlak yang dipegang oleh barisan kepimpinan PAS lama.

Selain itu Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat pula hendaklah bekerjasama dengan semua pihak dan terlibat secara langsung di dalam semua aktiviti yang dianjurkan sama ada di peringkat kawasan mahupun

kampung. Ini akan dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat tertamanya golongan muda dan terpelajar untuk menyertai PAS.

Peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada ahli disaat-saat akhir untuk menghadapi pilihanraya hendaklah diperluas seperti berikut²¹⁵:

1. Bilik Gerakan :

(a) Mengumpul dan mendokumentasikan data dan maklumat :

- I. Kekuatan PAS dan lain-lain parti politik.
- II. Institusi PAS dan lain-lain parti politik.
- III. Pengkalan-pengkalan politik.
- IV. Masjid/surau dan penguasaan.
- V. Keputusan pilihanraya yang lalu.
- VI. Buku daftar pemilih pilihanraya yang lalu.
- VII. Buku daftar pemilih yang terakhir.
- VIII. Senarai dan daftar orang-orang berpengaruh.

(b) Menyediakan peta pilihanraya dan lengkapinya dengan maklumat seperti berikut :

- I. Tempat-tempat mengundi.
- II. Jalan keluar masuk pengundi.

²¹⁵ Urusetia Pilihanraya PAS Pusat, *Seminar Politik dan Pilihanraya* (kertas kerja), Ogos/September 1992.

- III. Kedudukan cawangan PAS dan lain-lain parti politik.
 - IV. Masjid/surau.
 - V. Markas PAS dan lain-lain parti politik.
 - VI. Pengkalan politik dan institusi PAS dan lain-lain parti politik.
 - VII. Buku daftar pemilih yang terakhir.
 - VIII. Senarai dan daftar orang yang berpengaruh
- (c) Menyediakan dengan lengkap peralatan siaraya, telekomunikasi dan rakaman.
- (d) Menyelaras semua program persiapan dan gerak kerja pilihanraya dan bertindak sebagai urusetia di musim pilihanraya.

2. Kewangan dan Berkalan :

- (a) Menyediakan anggaran perbelanjaan persiapan dan pilihanraya mengikut bidang tugas dan portfolio masing-masing.
- (b) Merancang dan berikhtiar mencari kewangan/bekalan dari punca yang halal dengan secukupnya bagi membiayai perbelanjaan persiapan dan pilihanraya.
- (c) Mewujud dan mengendalikan satu sistem pentadbiran kewangan yang baik dan tersusun.
- (d) Menyedia dan membekal makan minum kepada petugas.
- (e) Menyedia dan membekal bahan-bahan peralatan untuk kerja-kerja persiapan dan gerak kerja pilihanraya.

3. Urusan Pemilih :

- (a) Berpandukan kepada peta pilihanraya peringkat lokaliti dan menyediakan senarai lengkap penduduk (kad kenal pasti).
- (b) Mempastikan semua cawangan PAS/UPU menpunyai buku daftar pemilih yang terakhir dan lengkap.
- (c) Mengurus kerja-kerja pendaftaran dan semakan pengundi.
- (d) Menyenarai dengan lengkap :
 - I. Pengundi yang berada di luar kawasan.
 - II. Pengundi yang tidak dapat dikenalpasti.
 - III. Pengundi yang tidak didaftarkan.
- (e) Menyedia dan membekalkan kad saluran mengundi.

4. Penerangan dan Penyelidikan :

- (a) Mengenalpasti lokasi yang strategik untuk diadakan program penerangan.
- (b) Merancang, menyusun dan mengendalikan program penerangan yang menyeluruh, tersusun dan berkesan.
- (c) Mewujudkan sistem laporan maklum balas mengenai program penerangan PAS dan lain-lain parti politik.
- (d) Mengumpul, menganalisa dan mendokumentasikan data dan maklumat untuk dijadikan bahan dalam penerangan dan asas kepada lain-lain perancangan gerakerja.

- (e) Menyusun dan melaksanakan gerakan kempen dan rayuan undi dari rumah ke rumah.
- (f) Memastikan program penerangan yang dibuat dapat meyakinkan pengundi terhadap perjuangan PAS dan menarik mereka supaya menyokong PAS dan meninggalkan parti lawan.

5. "Polling Agent" dan "Counting Agent" :

- (a) Mengenal pasti dan melantik petugas-petugas parti untuk dijadikan PACA.
- (b) Menganjurkan program kursus/latihan yang secukupnya kepada anggota PACA bagi mempastikan mereka dapat melaksanakan tugas dengan betul dan berkesan.
- (c) Mengatur jadual giliran bertugas.
- (d) Mempastikan petugas PACA mempunyai dokumen yang lengkap sebelum menjalankan tugas.

6. Keselamatan dan Perang Saraf :

- (a) Bertanggungjawab sepenuhnya tentang keselamatan pimpinan, petugas, program, peralatan, harta benda dan semua kepentingan PAS.
- (b) Mengadakan hubungan langsung dengan pihak keselamatan (polis) dan membuat pengaduan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.

- (c) Mengesan dan mendapat maklum balas mengenai gerakan parti lawan.
- (d) Melaporkan sebarang kejadian yang melanggar peraturan dan undang-undang pilihanraya.

7. Pengangkutan :

- (a) Merancang dan menentukan keperluan pengangkutan untuk kegunaan gerak kerja pilihanraya dan hari mengundi.
- (b) Menyediakan pelekat untuk semua kenderaan PAS.
- (c) Menyediakan perayu undi tempatan bagi pemandu-pemandu dari luar.

8. Urusan Muslimat :

- (a) Membentuk dan menggerakkan jentera kerja Muslimat di dalam kerja-kerja pilihanraya.
- (b) Mengendalikan program kursus dan latihan kepada petugas-petugas Muslimat supaya berkemampuan menjalankan kerja-kerja pilihanraya.
- (c) Menyusun dan mengatur program pengisian untuk Muslimat bagi melahirkan kefahaman dan semangat di kalangan pengundi wanita.
- (d) Menubuhkan pasukan perayu undi di kalangan Muslimat untuk menjalankan gerak kerja kempen dari rumah ke rumah dan bertugas di bangsal panas.

9. Risalah dan Poster :

- (a) Merancang dan mengenal pasti tempat-tempat yang strategik untuk menampal poster/spanduk dll.
- (b) Mengenalpasti dan merancang penggunaan lain-lain media kempen.
- (c) Menyediakan pasukan petugas untuk kerja-kerja pemasangan dan penyebaran poster; mengumpul dan membersihkan selepas hari mengundi.
- (d) Merancang dan menyediakan jadual pemasangan, penyebaran dan penggunaan poster yang strategik.

10. Urusan "Ulama dan Al-Mala" :

- (a) Mengenalpasti dan menyenaraikan orang-orang yang berpendidikan ugama.ulama dan orang-orang yang berpengaruh.
- (b) Mengenalpasti semua masjid, surau dan pusat pengajian ugama yang boleh di guna dan dikuasai oleh PAS.
- (c) Merancang, mengatur dan menyelaras program-program keagamaan dan majlis muzakarah dengan semua lapisan masyarakat.
- (d) Merancang dan menyediakan khutbah-khutbah.
- (e) Menggabungkan tenaga ulama/al-mala dari luar dengan tenaga tempatan untuk dimanfaatkan dalam program yang diatur.
- (f) Mengeluarkan dan mengedarkan risalah tentang isu-isu berkaitan agama yang boleh menarik pengundi-pengundi PAS.

11. Urusan Pemuda :

- (a) Menyelaras dan menggerakkan petugas dan tenaga pemuda di dalam kerja-kerja pilihanraya.
- (b) Mengendalikan program kursus dan latihan kepada petugas-petugas pemuda supaya berkemampuan menjalankan kerja-kerja pilihanraya.
- (c) Menyusun dan mengatur program pengisian untuk pemuda dengan tujuan meningkatkan kemampuan dan daya juang mereka.
- (d) Merangka, menyusun dan melaksanakan program kepemudaan yang sesuai dan menarik minat golongan belia supaya mendekati dan menyertai perjuangan Islam dan menokong PAS.
- (e) Menjadi tenaga pembantu kepada mana-mana jentera/portfolio pilihanraya apabila perlu dan dikehendaki.

Melalui strategi yang telah dijalankan, didapati bahawa peratus undi yang diperolehi adalah meningkat setiap kali pilihanraya dijalankan. Akhirnya pada pilihanraya umum ke 10 tahun 1999, PAS telah berjaya memenangi kerusi DUN Tahan menerusi calonnya YB. Abdul Malik bin Yusof.

4. Pengkritik Terhadap UMNO

Seterusnya PAS Jerantut perlu berperanan sebagai pengkritik program-program UMNO (BN) yang dianggap tidak sesuai. Namun demikian, selain dari berperanan sebagai pengkritik dasar-dasar kerajaan, PAS Jerantut juga perlu menunjukkan sikap memberi kerjasama terhadap

kerajaan. Di dalam konteks ini, pihak PAS Jerantut melalui wakilnya iaitu saudara Abdul Malek bin Yusof pernah menyatakan kesanggupan secara terbuka untuk bekerjasama dengan UMNO Jerantut untuk menyelesaikan masalah perpecahan umat Islam akibat isu kafir mengkafir yang dikatakan berpunca dari pihak PAS. Namun demikian UMNO membisu begitu sahaja terhadap tawaran yang dihulurkan itu.

Oleh itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa perjuangan PAS Jerantut telah dikemaskinikan dan dipergiatkan lagi ekoran dari kelemahan yang telah dikenalpasti. PAS Jerantut juga telah meneruskan perjuangan lalu dengan lebih giat bagi menghadapi cabaran untuk memastikan kejayaan perjuangannya pada pilihanraya akan datang.

C. Perkembangan Aktiviti

1. Ziarah

Aktiviti ziarah dan lawatan dari rumah ke rumah dilakukan untuk mengeratkan lagi perhubungan di antara PAS dan masyarakat sekeliling terutamanya di kalangan ahli PAS itu sendiri. Pada kebiasaananya, ziarah sering kali dilakukan pada sebelah petang dan hujung minggu dan melibatkan sejumlah peserta yang agak ramai.

Semasa program ziarah berjalan, PAS Jerantut melalui Dewan Pemuda serta Dewan Muslimat turut memberi sumbangan berbentuk wang, pakaian dan sebagainya kepada keluarga yang ditimpa bencana. Sebagai contoh, sekiranya berlaku kemalangan atau kematian terutamanya dikalangan keluarga ahli, dianggarkan RM 100-200 akan disumbangkan kepada keluarga yang berkenaan.

Ziarah juga dilakukan di hospital dan di rumah fakir miskin terutama pada bulan Ramadhan supaya mereka juga turut bergembira seperti orang lain yang sempurna kehidupannya. Pada kebiasaannya, sumbangan berbentuk makanan dihulurkan kepada mereka yang berkenaan.

2. Usrah

Usrah berasal dari perkataan bahasa Arab yang bermaksud keluarga. Usrah merupakan satu aktiviti yang diadakan pada hujung minggu di setiap cawangan PAS Jerantut. Penyertaannya dibuka kepada semua lapisan masyarakat kerana ia merupakan suatu "majlis ilmu".

Peserta akan dianggap sebagai satu keluarga dan segala masalah akan diselesaikan bersama-sama. Perkara yang dibincangkan dalam usrah adalah hal-hal yang berkaitan dengan Tauhid, Fiqh dan Fardhu Ain.

Walau bagaimana pun, bagi usrah yang dianjurkan oleh PAS kawasan, pada kebiasaannya mereka akan membincangkan isi kandungan sebuah buku. Setelah isi sesebuah buku itu selesai dibincangkan, mereka akan beralih ke buku lain yang dirasakan lebih menarik.

Bagi aktiviti usrah mingguan yang diadakan oleh PAS cawangan, pada kebiasaannya akan diadakan di rumah ahli secara bergilir di kalangan mereka yang sukarela untuk menjadikan rumah mereka sebagai tempat usrah. Tajuk perbincangan pada kebiasaannya berkisar mengenai Hadits dan Tafsir namun ada di kalangan peserta mencadangkan tajuk lain yang bersesuaian. Persediaan akan dibuat beberapa minggu sebelum usrah dijalankan.

Usrah merupakan satu aktiviti pendidikan yang melibatkan partisipasi peserta. Setiap peserta akan diminta memberikan pandangan dan ulasan mereka terhadap perkara yang dibincangkan. Hasilnya, peserta akan menjadi lebih faham secara mendalam terhadap perkara yang dibincangkan dan akan dapat menyelesaikan segala permasalahan. Aktiviti ini juga dapat mempereratkan persaudaraan di kalangan penduduk.

Sungguhpun usrah merupakan satu kegiatan politik kerohanian yang sangat berkesan, namun pada hakikatnya aktiviti ini kurang

mendapat sambutan di kalangan penduduk kampung terutamanya kaum wanita. Hal ini berkemungkinan disebabkan mereka tidak mampu memberikan buah fikiran dan pandangan semasa usrah dijalankan. Mereka lebih suka menjadi pendengar daripada memberikan buah fikiran, Di samping itu. Usrah juga mungkin merupakan satu perkara yang baru bagi mereka.

Oleh itu, penerimaan usrah yang baik adalah di kawasan bandar (Bandar Jerantut – termasuk dalam DUN Damak) yang dianjurkan oleh PAS kawasan. Peserta yang hadir adalah terdiri daripada mereka yang berlatarbelakangkan akademik yang baik.

3. Ceramah Mingguan

Ceramah mingguan diadakan pada setiap minggu mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh penduduk setempat. Di kawasan kampung ia lebih dikenali sebagai "baca kitab". Penyertan di buka kepada semua penduduk dan tidak dikenakan sebarang bayaran. Aktiviti ini sering diadakan di masjid, surau atau rumah persendirian. Aktiviti ini bukanlah satu alternatif untuk mendapatkan sumber kewangan tetapi ianya lebih kepada memenuhi tuntutan rohani.

Kebanyakan penceramah yang dijemput adalah terdiri dari mereka yang mahir dan berpengalaman di dalam ilmu agama Islam. Secara tidak langsung mereka ini merupakan ustaz atau ustazah yang megajar di sekolah menengah atau rendah yang terdapat di sekitar daerah Jerantut.

Semasa ceramah dijalankan, kutipan derma diadakan sebagai sumbangan ikhlas daripada orang ramai kepada penceramah. Ceramah mingguan ini boleh dikatakan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan penduduk kampung. Ceramah Mingguan Khas pula diadakan bersempena dengan perayaan-perayaan Islam seperti Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj ataupun menyambut Tahun Baru Hijrah.

4. Badan Amal Nisa' wal Banat (BANWA)

Di bawah pengurusan Dewan Muslimat PAS Jerantut, wujud sebuah badan pertubuhan amal yang dikenali sebagai Badan Amal Nisa' wal Banat (BANWA). Jika di lihat secara teliti, fungsi badan ini hampir sama dengan pasukan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah. Badan ini membantu ahli dan orang ramai ketika menghadapi kesusahan atau ditimpa bencana. Selain itu juga badan ini seringkali membantu masyarakat Jerantut di dalam majlis-majlis seperti walimah ataupun pengurusan jenazah seperti memandikan jenazah, mengkafan dan seumpamanya.

Walaupun anggota badan ini terdiri daripada kaum wanita, namun tugas yang diberikan kepada mereka sangat berat. Mereka sering ditugaskan untuk mengutip derma kilat terutama untuk membantu mangsa bencana alam seperti banjir, kebakaran tempat tinggal, kemalangan dan kematian. Kutipan derma yang dijalankan bukan sahaja tertumpu kepada wang ringgit tetapi juga barang-barang keperluan asas keluarga seperti pakaian, makanan, buku-buku dan seumpamanya.

Di samping mendapat sumbangan derma daripada orang ramai, badan ini juga mendapat suntikan bantuan dari PAS Jerantut dalam melaksanakan programnya. Selain dari menjalankan aktivitinya yang berupa bantuan dan pertolongan kepada masyarakat, badan ini juga menganjurkan aktiviti berbentuk riadah. Secara tidak langsung, badan ini bolehlah dianggap sebagai badan perhubungan di antara Dewan Muslimat PAS Jerantut dengan masyarakat setempat. Walaupun badan ini kelihatan kecil, tetapi ia mampu untuk memberikan sumbangan yang besar terhadap masyarakat khususnya masyarakat Jerantut.

D. Perkembangan Cawangan dan Ahli

Sehingga tahun 1993 terdapat lebih dari 25²¹⁶ buah cawangan PAS yang aktif di sekitar kawasan Jerantut dengan jumlah keahlian seramai lebih dari dua ribu orang.²¹⁷ Senarai nama cawangan aktif seperti di bawah :²¹⁸

Jadual 27 : N 9 – Tahan

Bil	Nama Cawangan	Jumlah Ahli Berdaftar
1	Kuala Tembeling	81
2	Felda Padang Piol	82
3	Kampong Besul The	110
4	Kampong Pedah	74
	JUMLAH	347

Jadual 28 : N 10 – Damak

Bil	Nama Cawangan	Jumlah Ahli Berdaftar
1	Sri Kool	37
2	Temin Paya Rajin	52
3	Kampong Melayu	58
4	Kampong Mat Kilau	38
5	Bandar Jerantut	61
6	Kampong Damak	61
7	Kampong Batu Balai	72
8	Kampong Ulu Cheka	25
	JUMLAH	404

²¹⁶ *Kertas Maklumat Lengkap Cawangan Aktif Parlimen/DUN Jerantut, Borang P3, 1993.* Dokumen PAS Jerantut, tanpa nombor rujukan.

²¹⁷ *Ibid.*

²¹⁸ *Ibid.*

Jadual 29 : N 11 – Pulau Tawar

Bil	Nama Cawangan	Jumlah Ahli
1	Felda Kota Gelanggi 3	48
2	Felda Kota Gelanggi 1	96
3	Felda Kota Gelanggi 2/4	91
4	Felda Sungai Tekam Utara	128
5	Felda Sungai Tekam Getah	30
6	Felda Jengka 8	113
7	Felda Jengka 9	123
8	Felda Jengka 10	131
9	Felda Jengka 12	100
10	Felda Jengka 13	55
11	Felda Jengka 24	88
12	Sungai Siang	45
13	Pulau Tawar	92
	JUMLAH	1140

E. Ramalan Masa Depan PAS Jerantut

Sesungguhnya adalah agak sukar untuk memberi ramalan mengenai masa depan PAS Jerantut ekoran daripada berbagai-bagai strategi yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menghalang usaha-usaha tersebut. Ini kerana kerajaan yang ada sekarang tidak dapat menerima hakikat "kekalahan". Amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia bukanlah demokrasi dalam ertikata yang sebenarnya kerana wujudnya sekatan-sekatan. Sebagai contoh, tiada lagi kebebasan hak bagi rakyat untuk bersuara, berhimpun dan lain-lain lagi. Justeru itu, seperti negara-negara lain dunia ketiga, parti pemerintah biasanya akan berusaha sedaya upaya mengekalkan kedudukannya walaupun menerusi penyelewengan politik.

Di dalam konteks ini, pihak PAS Jerantut menaruh keyakinan bahawa pada suatu hari nanti, ia akan dapat menguasai seluruh Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Jerantut. Bagi PAS Jerantut, tidak wujud istilah yang menyatakan PAS tidak akan dapat menang dan memerintah. Keyakinan ini adalah berdasarkan pergolakan politik yang berlaku di dalam UMNO dan sambutan masyarakat yang bertambah baik terhadap perjuangan PAS sejak akhir-akhir ini ekoran peningkatan aktiviti PAS selepas peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dari jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Hal ini ditambah pula dengan para pimpinan UMNO sendiri yang hanya mementingkan kesenangan kaum kerabat tanpa memikirkan permasalahan yang di alami oleh rakyat.

Keyakinan ini tidak menghairankan kerana kelemahan pucuk pimpinan UMNO sekarang jelas terbukti dan semakin ketara. Kebanyakan mereka menunjukkan kepemimpinan yang tidak berkaliber dan tidak mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang sejati. Selain itu, wujud juga penyelewengan di dalam pentadbiran terutama dalam perkara yang bersangkutan dengan kewangan dan pembangunan projek setempat. Penyelewengan ini timbul akibat daripada sikap pemimpin yang mementingkan diri sendiri seperti yang telah digambarkan oleh Yang Teramat Mulia Allahyarham Tunku Abdul Rahman :

“.....Hari ini ramai orang yang sebaik sahaja mendapat kedudukan yang tinggi tempat rakyat meletakkan kepercayaan, serta-merta memikirkan hendak mengumpulkan harta dan lupa sama sekali kepada sumpah taat mereka serta kewajipan mereka terhadap parti dan negara.....”²¹⁹

Sikap ini telah menyebabkan wujudnya isu-isu seperti skandal bank, rasuah dan pembaziran projek-projek mega. Ekoran pembaziran ini, ekonomi negara berada di tahap tenat sehingga berlakunya kemelesetan ekonomi dan turunnya nilai mata wang Malaysia berbanding Ringgit dalam kadar yang banyak.

²¹⁹ Tunku Abdul Rahman Putra, *Sudut Pandangan*, Kuala Lumpur : Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1979, him. 89-90.